

RENCANA

SIRI LAPORAN DEMENSIA

Tanya jawab

Soalan: Apa itu demensia?

Jawapan: Demensia adalah keadaan yang menyebabkan kemerosotan intelektual progresif menyebabkan peningkatan kesukaran untuk menjalani aktiviti seharian.

Itu bukan merupakan proses penuaan normal.

Keadaan ini mempengaruhi otak, menyebabkan sel-sel otak mati pada kadar yang lebih cepat daripada biasa.

Akibatnya, kemampuan mental penghidap demensia merosot.

Ini membawa kepada kehilangan daya ingatan, kemerosotan fungsi intelektual dan perubahan keperibadian.

Soalan: Adakah penyakit demensia serius?

Jawapan: Pada 2018, demensia telah mempengaruhi 50 juta orang di seluruh dunia, dan jumlah ini dijangka meningkat menjadi 82 juta pada 2030 dan 152 juta pada 2050 (*Sumber: From Plan to Impact (Alzheimer's Disease International, 2017)*).

Secara tempatan, menurut kajian Kesejahteraan Warga Emas Singapura (WiSE) yang diketuai oleh Institut Kesihatan Mental pada 2015, seorang daripada 10 orang berusia 60 tahun ke atas mungkin menghidap demensia.

Ini bermakna hampir 82,000 orang mengalaminya pada 2018 dan jumlahnya dijangka melebihi 100,000 dalam beberapa tahun.

Masalah kewangan akan dirasakan di seluruh dunia kerana demensia dijangka menjadi gejala kesihatan menelan trilion dolar.

Pada 2018, demensia telah menelan belanja ekonomi global melebihi AS\$1trilion (\$1.32 trilion).

Di Singapura, anggaran \$2.8 bilion dibelanjakan pada 2015 dan angka ini dianggarkan hampir tiga kali ganda pada 2030 (*Sumber: Kajian mengenai kos penjagaan keluarga untuk orang yang menderita demensia di Singapura (Lai, Thompson dan Magadi, 2017)*).

Ini memerlukan kesedaran dan intervensi yang lebih besar dalam memerangi demensia.

Sumber: Lelaman Persatuan Penyakit Alzheimer (ADA) di www.alz.org.sg.

Siri laporan demensia minggu ini memaparkan seorang pakar penyakit geriatrik Melayu/Islam dan pengalamannya dalam merawat penyakit itu. Turut dipaparkan ialah perkongsian seorang karyawan kesihatan Kelab Heal mengenai penjagaan pesakit demensia.



PENDUKUNG WARGA EMAS: Dr Noorhazlina berkongsi dengan menceburi bidang geriatrik, beliau berharap dapat terus membantu dan membuat perubahan yang positif bagi golongan warga emas serta mereka yang menghidapi demensia. – Foto TTSH

Berminat pada demensia sejak jalani latihan geriatrik

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

DENGAN minat besar kepada disiplin yang berkaitan dengan perubahan berbanding dengan disiplin berkaitan dengan pembedahan, Dr Noorhazlina Ali pada awalnya tidak pasti kepakaran perubatan mana yang beliau ingin ceburi.

Jika memohon jawatan klinikal di Perubatan Geriatrik di Hospital Tan Tock Seng, Dr Noorhazlina berkongsi beliau berpeluang merawat golongan warga emas dan menguruskannya secara holistik.

Bercita-cita untuk menjadi suara bagi generasi tersebut, Dr Noorhazlina mengatakan bahawa pengalamannya di jabatan itu telah menyemarakkan minatnya untuk terus merawat pesakitnya dan membuat perubahan dalam kehidupan mereka.

MENCEBURI BIDANG GERIATRIK

Dalam satu wawancara melalui emel, Dr Noorhazlina berkongsi bahawa beliau mula menceburi bidang ini ketika penyalinannya telah mendorongnya untuk mencuba perubatan geriatrik semasa pusingan klinikal pada tahun keduanya sebagai pegawai perubatan.

"Beliau berkata dengan keperibadian saya, saya mungkin sesuai dengan bidang tersebut.

"Jadi saya pun memohon bagi kedudukan klinikal di Perubatan Geriatrik di Hospital Tan Tock Seng dan berada di sana selama enam bulan," kongsi Perunding Kanan dan Ketua Perkhidmatan Kognisi dan Gangguan Ingatan, Jabatan Perubatan Geriatrik, Hospital Tan Tock Seng itu.

Katanya, ketika berpeluang untuk menguruskan keperluan perubatan, fungsi dan sosial warga emas, ia mendorongnya untuk terus mendalami pengetahuannya dalam kepakaran ini.

"Terdapat pelbagai motivasi bagi saya sebenarnya. Ini termasuk faktor Intrinsik dan Ekstrinsik.

"Saya berminat mempelajari mengenai demensia semasa saya masih menjalani latihan di pejabat ini dan terus bersemangat untuk menyokong para pesakit yang menghidapi demensia serta penagih yang menjaga mereka.

"Boleh katakan, saya pun mempunyai hati yang lembut bagi golongan warga emas dan sebagai pakar geriatrik, ia menjadi salah satu cara saya dapat menjaga mereka serta menjadi suara bagi mereka," jelasnya.

Bekerja di samping pakar geriatrik yang lain selama beberapa jawatan klinikal sebagai pegawai perubatan selama lima tahun dengan peluang berharga untuk merawat warga emas, Dr Noorhazlina akhirnya membuat keputusan menceburi bidang Perubatan Geriatrik sebagai pelatih pakar lanjutan (Pendaftar) setelah lulus peperiksanya.

DEMENSIA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Memandangkan penduduk yang semakin meningkat tua di Singapura, Dr Noorhazlina berkata terdapat kemungkinan mereka yang didiagnosis dengan demensia akan terus meningkat, katanya.

Sebagai pakar demensia, beliau menambah bahawa beliau kini melihat peningkatan trend pesakit Melayu/Islam yang mencari rawatan dan bantuan untuk masalah berkaitan kognisi.

Katanya, ini boleh dikaitkan dengan kesedaran masyarakat yang semakin meningkat terhadap demensia melalui pelbagai usaha jangkauan masyarakat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, seperti perbincangan awam.

Selain itu, Dr Noorhazlina yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Penyakit Alzheimer (ADA) berkata sifat menghormati warga emas dalam masyarakat kita turut menjadi sesuatu yang penting dalam memastikan mereka yang menghidapi demensia menerima bantuan yang mereka perlukan.

"Beberapa kekuatan terpuji dalam

masyarakat kita adalah sikap berbakti kepada orang tua mereka, penglibatan keluarga besar dalam menyediakan perawatan demensia tidak formal, dan penerimaan mereka terhadap sesuatu penderitaan sebagai cabaran dari segi agama.

"Dengan kepercayaan agama yang kuat, ia memudahkan mereka menerima diagnosis demensia dan memberi rawatan demensia kepada orang yang mereka sayangi dengan mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan saudara-mara," kongsi.

USAHA LAIN YANG HARUS DILAKUKAN

Meskipun kini terdapat banyak sumber dan informasi yang berlainan untuk menyokong mereka yang menghidapi demensia dan serta menolong pengasuh menangani keadaan, masih banyak lagi yang boleh dilakukan, kata Dr Noorhazlina.

Menurutnya, penjagaan perlu lebih bersepadu dan mungkin lebih berasaskan hubungan daripada perubatan.

"Pengasuh atau mereka yang menghidapi demensia mungkin tidak menyedari pelbagai perkhidmatan masyarakat atau sumber yang ada, atau cara memanfaatkan perkhidmatan ini.

"Penyelarasan perawatan demensia yang lebih baik juga diperlukan untuk memastikan orang yang menghidapi demensia dan pengasuh mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan dalam perawatan demensia seiring dengan penyakit yang progresif ini," katanya.

Tambahnya, ia juga penting untuk masyarakat mempunyai minda terbuka untuk menerima mereka yang menghidapi demensia di kalangan masyarakat kita.

"Salah satu cara untuk melakukan ini adalah dengan mengubah cara kita melihat mereka yang menghidapi demensia, dan memberi tumpuan kepada aspek yang positif dan bukannya negatif.

"Perubahan persepsi bermula dengan setiap orang," ujarnya.

Biodata

Nama:
Dr Noorhazlina Ali
- Perunding Kanan dan Ketua Perkhidmatan Kognisi dan Gangguan Ingatan, Jabatan Perubatan Geriatrik, Hospital Tan Tock Seng
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Penyakit Alzheimer (ADA)
Pendidikan: Sekolah Menengah Zhonghua, Maktab Rendah Kebangsaan (NJC), Universiti Nasional Singapura (NUS)

FAKTOR AGAMA DAN DEMENSIA



Beberapa kekuatan terpuji dalam masyarakat kita adalah sikap berbakti kepada orang tua mereka, penglibatan keluarga besar dalam menyediakan perawatan demensia tidak formal, dan penerimaan mereka terhadap sesuatu penderitaan sebagai cabaran dari segi agama.

Dengan kepercayaan agama yang kuat, ia memudahkan mereka menerima diagnosis demensia dan memberi rawatan demensia kepada orang yang mereka sayangi dengan mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan saudara-mara.

– Dr Noorhazlina Ali, Perunding Kanan dan Ketua Perkhidmatan Kognisi dan Gangguan Ingatan, Jabatan Perubatan Geriatrik, Hospital Tan Tock Seng.

ADA SOALAN TENTANG DEMENSIA?

ANDA mempunyai soalan tentang demensia atau isu berkaitan penuaan? Atau anda sekadar ingin berkongsi kisah atau pengalaman mengenai isu ini? Sila hantar soalan dan maklumat kepada Natasha Mustafa di e-mel nmustafa@sph.com.sg. Soalan akan dirujuk kepada pakar bagi jawapannya.

FAHAMI DEMENSIA JAUHI SALAH FAHAM

